

Peruntuk RM18j program **ILTIZAM**

Petaling Jaya: Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS) memperuntukkan RM18 juta untuk program tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat itu bagi tempoh tiga tahun akan datang.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Abdul Rahman Ahmad, berkata syarikat itu melalui program CSR yang dikenali sebagai **ILTIZAM**, akan melaksanakan tiga program utama iaitu keusahawanan, pendidikan dan komuniti.

Katanya, langkah itu selaras dengan agenda teras EKUINAS menjana impak mapan dan positif kepada perniagaan dan masyarakat.

Labur RM6 juta setahun

"Kami akan melabur RM6 juta setahun dalam ketiga-tiga bidang berkenaan untuk tiga tahun akan datang.

"Sepanjang lima tahun lalu,



"Sepanjang lima tahun lalu, kami membelanjakan RM13 juta bagi membantu golongan yang layak untuk merealisasikan potensi mereka"

Abdul Rahman Ahmad,
Ketua Pegawai
Eksekutif EKUINAS

kami membelanjakan RM13 juta bagi membantu golongan yang layak untuk merealisasikan potensi mereka," katanya pada sidang media selepas pelancaran **ILTIZAM** di sini, semalam.

Pelancaran itu yang disempurnakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Wahid Omar, turut dihadiri Pengerusi EKUINAS, Raja Tan Sri Arshad Raja Tun Uda.

Di bawah **ILTIZAM**, program CSR syarikat itu lebih fokus dan mempunyai struktur yang teratur.

Jadi mentor usahawan

EKUINAS melalui program Mentor Keusahawanan akan membantu perniagaan mikro dan kecil yang belum mencapai tahap syarikat berskala sederhana. Dalam program itu, usahawan berpengalaman dan pihak profesional menjadi

mentor kepada usahawan baharu bagi mengukuhkan operasi dan perniagaan.

Di bawah program pendidikan, EKUINAS membantu anak muda yang berpotensi mencapai kecemerlangan melalui program perkembangan pendidikan.

Sumbangan tahunan diberikan kepada Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB), selain pemberian biasiswa untuk pelajar Bumiputera di bawah ILMU Education Group dan Program Pembangunan Profesional iaitu latihan kepada graduan sebagai persediaan sebelum memasuki alam pekerjaan.

Program Komuniti **ILTIZAM** pula bagi meningkatkan taraf hidup golongan memerlukan termasuk usaha menggalakkan dan memelihara seni, budaya dan warisan tempatan.